



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - KWSP Raih RM 5.24b Melalui E-Caruman](#)

Berita Harian - KWSP Raih RM 5.24b Melalui E-Caruman

Jumaat, Mei 26 2017



KWSP raih RM5.24b melalui e-Caruman

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan bayaran caruman sebanyak RM5.24 bilion melalui kemudahan e-Caruman, dengan RM2.14 bilion diraih melalui platform dalam talian.

Dana persaraan itu melaksanakan inisiatif terbabit untuk mengurangkan transaksi manual yang menyaksikan 426,675 majikan mengemukakan Borang A mereka melalui kemudahan e-Caruman sehingga pada 31 Mac, 2017.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata portal e-Caruman direka untuk memproses jumlah data yang tinggi dan dilengkapi dengan sistem pertukaran proses kewangan yang turut membolehkan majikan membuat pendebitan masa nyata bagi bayaran caruman tanpa sebarang kos transaksi.

“Bagi memudahkan dan membolehkan pemprosesan transaksi masa nyata yang membabitkan maklumat caruman pekerja dengan lebih cekap dan selamat, KWSP sudah berhenti mencetak dan menghantar Borang A secara manual kepada majikan berkuat kuasa 1 Januari 2017,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, peningkatan

dalam jumlah pendaftaran ahli baharu pada setiap suku tahun menjadi asas kepada majikan untuk memanfaatkan kemudahan e-Caruman dalam melaksanakan tanggungjawab bulanan mereka.

Jumlah ahli meningkat

Jumlah ahli KWSP meningkat 1.54 peratus kepada 14.91 juta pada suku pertama 2017 berbanding 14.69 juta pada suku pertama 2016, iaitu 6.92 juta, atau 46.40 peratus, adalah ahli aktif.

Jumlah pendaftaran ahli baharu pula, meningkat 3.54 peratus kepada 153,844 pada suku pertama 2017, manakala jumlah pendaftaran majikan baharu susut 0.06 peratus kepada 16,246 pada suku pertama 2017 berbanding 16,256 majikan pada suku pertama 2016.

“Penurunan jumlah pelawat ke kaunter KWSP membuktikan kejayaan platform e-perkhidmatan kami, menawarkan keselesaan kepada ahli ketika membuat transaksi. Kami akan terus aktif mengenal pasti kaedah terkini untuk menambahbaik perkhidmatan dalam talian dan melabur dalam teknologi untuk membantu mengurangkan kos operasi kami,” katanya. **BERNAMA**



Bagi memudahkan dan membolehkan pemprosesan transaksi masa nyata yang membabitkan maklumat caruman pekerja dengan lebih cekap dan selamat, KWSP sudah berhenti mencetak dan menghantar Borang A secara manual kepada majikan berkuat kuasa 1 Januari 2017”

Shahril Ridza Ridzuan,
Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

BH 25/4



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

